



KAMARUL BAISAH HUSSIN

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan graduan ASWARA yang memiliki Diploma dalam bidang Muzik dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teater dan kini bertugas sebagai Timbalan Pengarah dan Pensyarah PuTRA ASWARA.

KERJAYA BIDANG MUZIK

Bagi bidang muzik, beliau mempunyai kemahiran dalam bermain alat Muzik Tradisional Kelantan seperti Makyung, Wayang Kulit, Dikir Barat, Kertuk, Rebana Ubi dan Silat Kelantan. Beliau turut berkebolehan dalam bermain alat muzik lain seperti Djimbe, Cajon, Tabla, Conga, Rebana Melayu, Darbuka dan Dgridu.

Beliau berkebolehan dalam bermain alat muzik Mek Mulong dan Makyung Kepulauan Riau. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam pembuatan alat muzik tradisional seperti Rebana Melayu, Gambus dan alat Muzik Kelantan. Beliau juga merupakan seorang Dalang Muda di dalam tradisi Wayang Kulit Kelantan yang diwarisi daripada keturunannya.

KERJAYA BIDANG TEATER

Bagi bidang teater, beliau mempunyai kemahiran dalam lakonan, pengarahannya, penulisan skrip dan membuat set dan prop. Beliau pernah memegang watak Dato Rajo Muda ketika pementasan Teater Randai yang bertajuk Panglima Siamang Gagap arahan Pak Khatik di Panggung Ekperimen ASWARA, memegang watak Peran Tua ketika persembahan Makyung Nik Kecik Dewa Muda sempena Program Makyung Extravaganza yang diadakan di Malaysia Tourism Centre (MaTiC), dan sebagai Pelakon Tambahan dan Pemuzik bagi persembahan Seksyen By Stesen pada 15 sehingga 19 Julai 2017 di Damansara Performing Arts Centre (DPAC).

PENCAPAIAN

Beliau turut terlibat dalam persembahan sempena The Australian Performing Arts Market (APAM) pada 18 sehingga 22 Februari 2014 bertempat di Brisbane PowerHouse, persembahan bersama Geng Wak Long sempena World Music Festival 2014 (WOMEX) yang berlangsung di Santiago, Sepanyol pada 21 sehingga 25 Oktober 2014, persembahan Muzik Ghazal bersama kumpulan ASWARA bertempat di Phnom Penh, Kemboja pada 19 sehingga 23 November 2014 sempena Asean Indigenous Festival 2014, turut serta dalam persembahan sempena Maritime Silk Road Art Festival pada 14 sehingga 20 Oktober 2015 di Shanghai, menjadi pemuzik bagi persembahan Teater Throne of Thorns pada 17 sehingga 19 Februari 2017 di Panggung Eksperimen ASWARA, dan Pengarah Muzik bagi pementasan Teater Klasik bertajuk LYSISTRATA arahan Rohani Yusoff bertempat di Panggung Eksperimen ASWARA pada 7 sehingga 9 November 2009 serta Pemuzik dan Korus bagi persembahan Teater Usikan Rebab.